Perolehan dividen dari syarikat-syarikat subsidiari diiktiraf apabila ianya dicadangkan dan dipersetujui oleh pemegang saham majoriti. Perolehan dividen lain diiktiraf apabila sewaktu hak menerima dividen disahkan. Faedah dari simpanan diiktiraf mengikut asas terakru.

Keuntungan dari aktiviti pembiayaan, pulangan atas simpanan dan pulangan atas pelaburan bon diiktiraf sebagai pendapatan faedah didalam untung atau rugi mengikut kaedah kadar faedah efektif.

Kadar faedah efektif adalah kaedah pengiraan pelunasan kos aset kewangan dan memperuntukkan pendapatan faedah keatas tempoh berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang digunakan untuk mengurangkan jangka pulangan tunai diterima sepanjang jangka hayat instrumen kewangan atau apabila perlu, tempoh lebih pendek atau pada nilai bersih instrumen. Penggunaan kaedah ini menghasilkan kesan ke atas pengiktirafan pendapatan belum diterima sebahagian daripada jumlah yang beredar selama tempoh hingga jatuh tempoh atau pembayaran.

Didalam pengiraan faedah efektif, KPF menganggarkan aliran tunai (menggunakan unjuran berdasarkan pengalaman perilaku pelanggan) dengan mengambilkira semua terma-terma instrumen kewangan kecuali kerugian masa depan. Aliran tunai daripada kos langsung dan tidak langsung dalam mengeluarkan instrumen kewangan juga diambilkira didalam pengiraan. Faedah efektif dikira dengan merujuk kepada penerimaan yang terkandung dan terma-terma penuh didalam kontrak.

Kumpulan

Perolehan hasil jualan barangan dan perkhidmatan diiktiraf setelah barangan diterima oleh pelanggan, apabila risiko dan ganjaran kepada pemilikan barangan tersebut dipindahkan kepada pembeli.

Perolehan perkhidmatan diiktiraf setelah perkhidmatan dilakukan mengikut peratus kerja-kerja yang telah disiapkan, dikaji berdasarkan perkhidmatan yang telah dilakukan daripada jumlah perkhidmatan yang akan dilakukan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Pertukaran matawang asing

Matawang Fungsian dan Pembentangan

Perkara yang dimasukkan di dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan ditentukan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama dimana entiti tersebut beroperasi (“matawang fungsian”). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan KPF.

Urus Niaga dan Baki Terkumpul

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada matawang fungsian dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga berkenaan dan daripada pertukaran aset dan tanggungan kewangan yang nilainya dalam matawang asing pada kadar pertukaran akhir tahun diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila wujud penangguhan dalam ekuiti sebagai pelindung nilai aliran tunai dan pelaburan bersih yang layak dilindung nilai.

Untung atau rugi keatas pertukaran matawang asing yang berkaitan dengan pinjaman serta tunai dan persamaan tunai dinyatakan dalam penyata pendapatan sebagai ‘lain-lain belanja operasi’. Manakala lain-lain untung atau rugi ke atas pertukaran matawang asing dinyatakan dalam penyata pendapatan sebagai ‘lain-lain untung/(rugi)-bersih’.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti-sekuriti kewangan disebut dalam matawang asing diklasifikasikan sebagai sedia dijual adalah dianalisis antara pertukaran perbezaan hasil daripada perubahan dalam pelunasan kos sekuriti dan lain-lain perubahan pada nilai bawaan sekuriti. Perbezaan pertukaran berkaitan dengan perubahan didalam pelunasan kos diiktiraf dalam untung rugi dan lain-lain perubahan dalam nilai bawaan diiktiraf didalam ekuiti.

Perbezaan pertukaran pada aset dan liabiliti bukan kewangan seperti ekuiti dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf untung atau rugi sebagai sebahagian daripada untung rugi nilai saksama. Perbezaan pertukaran pada aset bukan kewangan seperti ekuiti yang diklasifikasi sebagai sedia dijual termasuk rizab sedia dijual dan ekuiti.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Syarikat-syarikat dalam Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti dalam Kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai matawang inflasi ekonomi yang melampau) yang mempunyai matawang fungsian berbeza daripada matawang pembentangan ditukarkan kepada matawang pembentangan seperti berikut:

- (i) aset dan tanggungan bagi setiap akhir tempoh pelaporan yang dibentangkan ditukar pada kadar penutupan pada tarikh akhir tempoh pelaporan tersebut;
- (ii) pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata untung atau rugi ditukar pada kadar purata pertukaran (melainkan kadar purata ini menyebabkan anggaran terhadap kesan terkumpul menjadi tidak munasabah apabila dibandingkan dengan kadar lazim pada tarikh urusaniaga, yang mana dalam hal tersebut pendapatan dan perbelanjaan ditukar pada tarikh urusaniaga); dan
- (iii) semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf sebagai komponen ekuiti yang berasingan.

Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran pelaburan bersih dalam operasi asing diambilkira dalam ekuiti pemegang saham. Apabila operasi asing dilupus atau dijual, perbezaan pertukaran sedemikian yang dicatatkan dalam ekuiti diiktiraf dalam untung rugi sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian daripada penjualan.

Pelarasan muhibbah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing diambilkira sebagai aset dan tanggungan entiti asing tersebut dan ditukar pada kadar penutup matawang asing tersebut.

Zakat

Kumpulan dan KPF mengiktiraf obligasinya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat untuk tempoh semasa diiktiraf apabila Kumpulan dan KPF mempunyai tanggungan zakat semasa melalui penilaian zakat. Jumlah pembayaran zakat ditentukan apabila sesuatu entiti telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, tempoh yang dipanggil “haul”.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Kadar zakat yang telah digubal atau digubal hampir sepenuhnya pada tarikh akhir tempoh pelaporan adalah digunakan dalam menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat perniagaan ialah 2.5% daripada asas zakat. Asas zakat untuk Kumpulan selain KPF ditentukan berdasarkan kepada keuntungan selepas cukai bagi setiap syarikat di dalam Kumpulan selepas ditolak pendapatan dividen, dan pendapatan dan perbelanjaan bukan operasi tertentu. Zakat untuk perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang dikira akan diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun tersebut yang berlaku.

Asas pengiraan zakat untuk KPF adalah berdasarkan kiraan yang digunakan oleh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan iaitu kaedah modal kerja (aset semasa tolak liabiliti semasa).

Zakat untuk perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat setelah mengambilkira peratusan pemilikan saham milik Muslim. Jumlah zakat dikira akan diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun tersebut.

Cukai

Perbelanjaan cukai keatas keuntungan atau kerugian tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh akhir tempoh pelaporan.

Cukai tertunda diiktirafkan secara penuh, berdasarkan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan nilai bawa mereka di dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap dimana berkemungkinan keuntungan dicukai akan tersedia ada dimana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna dapat digunakan.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dijangka akan digunakan apabila aset diiktiraf atau apabila liabiliti diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau hampir sepenuhnya digubal pada tarikh akhir tempoh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf didalam penyata pendapatan, kecuali apabila timbul transaksi yang diiktiraf secara langsung daripada rizab, yang mana dalam keadaan ini, cukai tertunda akan diiktiraf secara terus daripada rizab.

Nilai pembawa aset cukai tertunda adalah disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan pendapatan bercukai yang cukup akan wujud untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset tersebut direalisasi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangkan apabila mempunyai hak yang dibenarkan untuk mengimbangkan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan jika ianya berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh penguasa cukai yang sama dan Kumpulan dan KPF berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih.

Penjejasan nilai untuk aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan penjejasan nilai setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa penjejasan nilai mungkin wujud. Harta, loji dan peralatan dan aset bukan semasa lain, termasuk aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian penjejasan nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak dapat dipulihkan.

Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf merupakan lebihan nilai bawaan aset tersebut berbanding dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos penjualan dan nilai guna sesebuah aset.

Bagi tujuan penaksiran penjejasan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah dimana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset selain daripada muhibbah yang mengalami penjejasan nilai disemak semula bagi kemungkinan pembalikan pada akhir tempoh pelaporan.

Harta, loji dan peralatan

Harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah iaitu harga kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung semasa pembelian harta, loji dan peralatan tersebut.

Kos selepas pembelian adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktirafkan sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada Kumpulan dan kos-kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulihan dan penyelenggaraan dicajkan ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan dimana penyelenggaraan terlibat.

Seperti yang dibenarkan oleh peruntukan piawaian perakaunan Antarabangsa No.16 (Pindaan) Harta, Loji dan Peralatan yang diterima pakai oleh MASB, penilaian aset yang telah dinilai sebelum ini tidak dikemaskini dan aset ini akan terus dicatat pada nilai dibawa tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan kerana jangka hayat tiada kesudahan. Kesemua harta, loji dan peralatan yang lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran jangka hayat penggunaannya.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Anggaran jangka hayat aset-aset adalah seperti berikut:

<u>Harta, loji dan peralatan</u>	<u>Anggaran jangka hayat (tahun)</u>
Tanah pegangan pajakan	50 hingga 99
Bangunan dan pengubahsuaian	5 hingga 50
Loji dan mesin	5 hingga 30
Tangki-tangki dan saluran paip	10 hingga 20
Stesen minyak	2 hingga 10
Kenderaan bermotor	2 hingga 25
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan (termasuk komputer) dan pelbagai peralatan	2 hingga 10
Jeti	2 hingga 25
Kelengkapan Dapur	5

<u>Harta, loji dan peralatan dibawah geran dari FELDA</u>	<u>Anggaran jangka hayat (tahun)</u>
Bangunan	50
Loji dan Mesin	14
Perabot dan kelengkapan	25
Makmal dan peralatan	33
Kenderaan	50

Nilai sisa dan jangka hayat aset dikaji, dan dinyatakan semula jika perlu, pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan.

Susutnilai untuk harta, loji dan peralatan terhenti pada awal pengiktirafan dan klasifikasi sebagai aset-aset untuk dijual. Susutnilai bagi aset dalam pembinaan akan bermula apabila aset sedia untuk digunakan bagi tujuan asal pembinaan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Aset tidak ketara

Lesen perisian yang diperoleh akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut tempoh penggunaan yang dijangka iaitu antara 3 hingga 5 tahun.

Nilai sisa aset dan tempoh hayat akan dikaji semula, dan pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Pada setiap kenyataan tarikh kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, nilai bawaan aset diturunkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih jika nilai bawaan aset adalah lebih besar daripada jumlah anggaran yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan penting mengenai kemerosotan aset-aset bukan kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan nilai bawaan aset dan dimasukkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara akan diiktiraf jika, dan hanya jika:

- (a) ada kemungkinan bahawa jangkaan manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada entiti;
- (b) kos aset itu boleh diukur dengan pasti.

Aset tidak ketara diukur mulanya pada kos. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara hendaklah dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah pada amnya meliputi tanah milik bebas dan bangunan, dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau peningkatan nilai modal atau untuk kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan KPF. Penilaian awal pelaburan hartanah adalah pada kos, termasuk kos transaksi pihak berkaitan dan kos kewangan jika ia memenuhi syarat-syarat kelayakan aset.

Perbelanjaan seterusnya akan dipermodalkan kepada nilai dibawa hanya apabila manfaat ekonomi yang berkait dengan perbelanjaan tersebut dianggarkan akan diterima oleh Kumpulan di masa hadapan dan jumlahnya boleh dikenalpasti secara saksama. Segala kos pembaikan dan penyelenggaraan dicajkan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada pelaburan hartanah diganti, nilai dibawa bahagian yang diganti tersebut tidak lagi diiktiraf.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Setelah penilaian awal, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan rugi. Tanah pajakan disusutnilai secara beransur-ansur dalam tempoh 90 tahun. Bangunan-bangunan disusutnilaikan di antara 30 hingga 50 tahun.

Pelaburan hartanah tidak lagi diiktiraf apabila ia telah dijual atau apabila penggunaan pelaburan hartanah tersebut telah ditarik balik secara kekal dan tiada manfaat ekonomi di masa hadapan dianggarkan akan diterima dari penjualannya. Perbezaan di antara perolehan penjualan bersih dan nilai bawaan diiktirafkan dalam untung rugi.

Pada akhir tempoh setiap pelaporan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, nilai bawaan aset diturunkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih jika nilai bawaan aset adalah lebih besar daripada jumlah anggaran yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan penting mengenai kemerosotan aset-aset bukan kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan penjualan bersih dengan nilai bawaan aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset bukan semasa (atau kumpulan penjualan) dipegang untuk dijual

Aset bukan semasa (atau kumpulan penjualan) dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai lebih rendah antara nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos jualan. Aset bukan semasa (atau kumpulan penjualan) dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual jika nilai bawaannya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan.

Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan KPF dan semua syarikat subsidiarinya yang disediakan hingga akhir tempoh kewangan. Subsidiari adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mempunyai kawalan ke atas sesuatu entiti apabila Kumpulan terdedah atau memiliki hak ke atas pulangan tidak tetap hasil penglibatan di dalam entiti tersebut dan memiliki kebolehan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasa terhadap entiti tersebut. Subsidiari-subsidiari akan disatukan mulai tarikh kawalan efektif dipindahkan kepada Kumpulan. Subsidiari-subsidiari akan dipisahkan dari tarikh hilang kawalan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Perakaunan pengambilalihan

Kaedah perakaunan pengambilalihan digunakan untuk mengambilkira bagi pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari oleh Kumpulan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberikan, instrumen ekuiti diterbitkan dan tanggungan tertanggung atau diandaikan pada tarikh pertukaran. Aset yang boleh dikenalpasti yang diambilalih dan liabiliti, serta liabiliti luarjangka dalam kombinasi perniagaan pada mulanya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira setakat kepentingan bukan kawalan.

Jika penyatuan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi pegangan kepentingan ekuiti pembeli di dalam penjual sebelum pengambilalihan, adalah diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui untung rugi.

Apa-apa pertimbangan luar jangka yang dipindahkan kepada Kumpulan akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan pada nilai saksama pertimbangan luar jangka tersebut yang diiktiraf berdasarkan FRS 139 sama ada di dalam untung rugi atau sebagai perubahan dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pertimbangan luar jangkaan yang diklasifikasi sebagai ekuiti tidak akan diukur semula, dan penyelesaian berikutnya dikira di dalam ekuiti.

Lebih daripada kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih subsidiari yang diambilalih dicatatkan sebagai Muhibbah. Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambilalih, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

Pertimbangan yang dipindahkan bagi pembelian subsidiari adalah pada nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan juga termasuk nilai saksama mana-mana aset atau liabiliti hasil dari pertimbangan luar jangka dan nilai saksama mana-mana kepentingan ekuiti sedia ada dalam subsidiari. Kos berkaitan pengambilalihan dibelanjakan apabila ditanggung. Aset yang boleh dikenalpasti semasa pengambilalihan liabiliti dan liabiliti luarjangka dalam kombinasi perniagaan pada mulanya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Di bawah kaedah perakaunan penyatuan, keputusan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dibentangkan seolah-olah penyatuan telah berkuatkuasa sepanjang tahun kewangan semasa dan sebelumnya atau dari tarikh apabila entiti ini berada di bawah kawalan pihak pengawal biasa (jika pendek). Aset dan liabiliti yang digabungkan dikira berdasarkan nilai bawaan dari perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pemindahan. Semasa penyatuan, perbezaan di antara nilai bawaan pelaburan dalam subsidiari berbanding nilai nominal saham yang dibeli dimasukkan ke dalam rizab penyatuan dan dianggap sebagai rizab tidak boleh diagihkan, yang kemudiannya ditolak daripada rizab yang sesuai ke atas penyata kewangan yang disatukan.

Kepentingan tiada kawalan ialah pegangan ekuiti dalam subsidiari yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Atas dasar tiap-tiap pengambilalihan luar, Kumpulan mengukur sebarang kepentingan tiada kawalan dalam pengambilalihan pada bahagian aset bersih syarikat yang diambilalih atau bahagian daripada 'kepentingan bukan mengawal nilai saksama. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada amaun yang dikira pada tarikh penyatuan dan bahagian perubahan dalam ekuiti subsidiari sejak tarikh penyatuan.

Semua pendapatan dan kerugian subsidiari dikaitkan dengan syarikat induk dan kepentingan tiada kawalan, walaupun pengagihan kerugian kepada kepentingan tiada kawalan menghasilkan baki debit dalam ekuiti pemegang saham. Pengagihan keuntungan atau kerugian kepada kepentingan tiada kawalan untuk tahun-tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula.

Keuntungan atau kerugian atas penjualan subsidiari adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersih tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul sebarang perbezaan pertukaran atau rizab lain yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian yang diagihkan kepada syarikat induk.

Dalam penyata kewangan KPF, pelaburan dalam syarikat subsidiari ditunjukkan pada kos. Jika terdapat tanda kemerosotan, nilai bawaan pelaburan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Ketika pelupusan syarikat-syarikat subsidiari, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan adalah dicaj/kredit kepada untung atau rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Kepentingan tiada kawalan

Kumpulan mengambil kira urusan dengan kepentingan tiada kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai urusan dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan pemilikan mengakibatkan pelarasan antara nilai bawaan kepentingan kawalan dan tiada kawalan bagi menggambarkan kepentingan relatif mereka dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara jumlah pelarasan kepada kepentingan tiada kawalan dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam rizab berasingan dilaraskan dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan.

Muhibbah

Muhibbah adalah lebih kos pengambilalihan syarikat subsidiari, bersekutu dan usahasama dalam Kumpulan daripada nilai saksama aset bersih dan liabiliti luar jangka yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibbah daripada pengambilalihan dalam syarikat subsidiari akan diiktiraf dalam penyatuan penyata kedudukan kewangan sebagai aset tidak ketara, jika ia timbul daripada syarikat bersekutu atau penyatuan syarikat, ia termasuk dalam pelaburan syarikat bersekutu atau entiti-entiti kawalan bersama.

Muhibbah yang dipisahkan akan diuji setiap tahun untuk pelunasan atau jika situasi menunjukkan yang pelunasan akan berlaku dan dinilai pada kos tolak pelunasan rugi terkumpul. Pelunasan rugi pada muhibbah tidak akan dibalikkan semula. Untung dan rugi atas pelunasan ekuiti termasuk nilai bawaan muhibbah kepada entiti yang dijual.

Muhibbah akan diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan ujian pelunasan nilai. Pembahagian dibuat kepada unit penghasilan tunai yang dijangka akan memperolehi manfaat daripada penggabungan perniagaan dimana muhibbah terhasil.

Aset kewangan

Pengkelasan

Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut; pada nilai saksama melalui untung rugi, pinjaman dan penghutang, aset sedia untuk dijual dan dipegang hingga tempoh matang. Pengklasifikasian bergantung pada tujuan dan bagaimana aset kewangan tersebut diperolehi. Pihak pengurusan menentukan klasifikasi aset kewangan pada peringkat awal pengiktirafan.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi adalah aset kewangan yang dimiliki untuk tujuan didagangkan. Aset kewangan akan diklasifikasikan dalam kategori ini apabila aset tersebut dimiliki untuk tujuan jualan jangka pendek. Derivatif juga turut dikategorikan sebagai aset kewangan yang dimiliki untuk tujuan didagangkan kecuali derivatif yang ditetapkan sebagai pelindung nilai. Aset di dalam kategori ini, dikelaskan sebagai aset semasa

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran boleh tentu yang tidak tersiar harga di pasaran aktif. Pinjaman dan penghutang termasuk dalam aset semasa, kecuali untuk hutang yang mempunyai tempoh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh akhir tempoh pelaporan.

Hutang tersebut diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan terdiri daripada penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang, pinjaman dan hutang dari syarikat berkaitan dan tunai dan bersamaan tunai dalam penyata kedudukan kewangan.

(iii) Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah bukan derivatif samada yang ditetapkan khas untuk kategori ini mahupun tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori yang lain. Aset kewangan ini dikategorikan sebagai aset bukan semasa kecuali jika pelaburan tersebut telah matang atau pihak pengurusan berniat untuk melupuskannya dalam masa 12 bulan dari tarikh akhir tempoh pelaporan.

(iv) Aset kewangan dipegang hingga tempoh matang

Aset kewangan dimiliki hingga tempoh matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai kadar bayaran dan mempunyai tempoh matang yang telah ditentukan dimana pihak pengurusan Kumpulan berupaya dan mampu untuk memiliki aset hingga tempoh matang. Jika Kumpulan berniat untuk menjual sebahagian daripada aset tersebut pada nilai yang tidak berpadanan, seluruh aset terbabit akan diklasifikasikan semula sebagai aset sedia untuk dijual. Kesemua aset kewangan dimiliki hingga tempoh matang diklasifikasikan di bawah aset bukan semasa.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Pada tahun kewangan 2011, KPF telah melupuskan pegangan di dalam bon sebanyak RM62,637,206. Ini telah menyebabkan KPF melanggar peruntukan FRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran” yang tidak membenarkan pelupusan aset kewangan dipegang hingga matang sebelum tempoh kematangan. Oleh yang demikian, KPF dilarang dari mengelaskan sebarang aset kewangan sebagai “aset kewangan hingga matang” di dalam 2 tahun tempoh kewangan berikutnya, bermula tahun 2012.

Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana Kumpulan komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi bagi kesemua aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung rugi. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, termasuk kesan terjemahan matawang, faedah dan pendapatan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana perubahan itu timbul.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali bagi kerugian kemerosotan nilai dan keuntungan tukaran matawang asing dan kerugian ke atas aset kewangan. Perbezaan pertukaran atas aset kewangan diiktiraf dalam untung atau rugi, manakala perbezaan pertukaran ke atas aset-aset bukan kewangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan yang tersedia untuk dijual diiktiraf secara berasingan dalam penyata untung atau rugi. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti yang sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran ditentukan.

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi amaun yang telah diiktiraf dan ada niat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Penjejasan aset kewangan

- (i) Aset direkodkan pada kos pelunasan

Kumpulan menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan samada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan Kumpulan untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
 - Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;
 - Kumpulan, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
 - Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturan semula kewangan;
 - Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
 - Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenalpasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;
- (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
- (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Kumpulan terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan diantara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak. Secara praktikalnya, Kumpulan dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati.

Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan penarafan kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam untung rugi.

(ii) Aset diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual

Kumpulan menilai pada akhir tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas.

Kumpulan menggunakan kriteria dan pengukuran kerugian rosot nilai yang dikenakan bagi 'aset yang direkodkan pada kos pelunasan di atas. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual bertambah dan peningkatan ini boleh dikaitkan dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas kerugian kemerosotan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kemerosotan diterbalikkan melalui penyata untung rugi.

Di samping itu kriteria untuk 'aset direkodkan pada kos yang dilunaskan' di atas, penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai penunjuk bahawa aset terjejas.

Jika apa-apa bukti penjejasan wujud untuk aset sedia dijual, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian adalah perbezaan di antara kos pemilikan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan ke atas aset kewangan itu sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian ke atas instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual tidak dibalikkan melalui untung rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan meliputi skop FRS 139 diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf mulanya pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung.

Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung rugi apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf melalui proses pelunasan. Sebarang untung atau rugi yang terbit dari perubahan dalam nilai saksama derivatif yang juga diiktiraf dalam untung rugi. Keuntungan dan kerugian bersih atas derivatif termasuk perubahan dalam pertukaran.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipinda, dimana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam untung rugi.

Derivatif instrumen kewangan dan aktiviti lindungan nilai

Derivatif pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur pada nilai saksama. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian bergantung kepada sama ada derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dan jika ya, jenis item yang dilindung nilai.

Derivatif yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai dikelaskan sebagai dipegang untuk urus niaga. Kumpulan dan Koperasi tidak menggunakan perakaunan lindung nilai pada akhir tahun kewangan.

Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan entiti-entiti kawalan bersama ditunjukkan pada kos didalam penyata kewangan KPF. Sekiranya terdapat tanda-tanda kewujudan penjejasan, nilai bawaan pelaburan akan disemak dan akan direkod pada nilai boleh pulih.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah merupakan perbadanan, perkongsian atau entiti lain dimana Kumpulan mempunyai pengaruh besar tetapi tiada hak untuk mengawal, kebiasaannya berserta dengan pegangan saham di antara 20% dan 50% dari hak-hak mengundi. Pengaruh besar adalah kuasa untuk membuat keputusan dalam dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukannya kuasa untuk mengawal polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira mengikut kaedah perakaunan ekuiti dalam penyata kewangan Kumpulan dan pada awalnya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu mengandungi muhibbah dikenalpasti atas pengambilalihan, ditolak kerugian penurunan nilai terkumpul.

Perakaunan ekuiti akan diberhentikan bila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh besar ke atas entiti atau apabila syarikat bersekutu diklasifikasi sebagai aset dipegang untuk dijual.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihan dalam rizab.

Pergerakan terkumpul selepas pengambilalihan diselaraskan ke atas nilai bawaan pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi daripada kepentingan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang amaun belum diterima yang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengambilkira bahagian kerugian yang seterusnya, hanya apabila wujud obligasi atau bayaran telah dibuat bagi pihak syarikat bersekutunya.

Keuntungan belum direalisasi atas transaksi di antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali transaksi menunjukkan bukti penurunan nilai ke atas aset yang dipindahkan.

Dimana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pindaan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu bagi memastikan dasar perakaunan yang sama dengan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan KPF, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos. Jika terdapat tanda kemerosotan, nilai bawaan pelaburan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Ketika pelupusan syarikat bersekutu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan adalah dicaj/kredit kepada keuntungan atau kerugian.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Sekiranya kepentingan di dalam syarikat bersekutu menurun tetapi pengaruh besar kekal, hanya bahagian berkadar yang pernah diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif yang akan disebut semula ke untung rugi jika perlu.

Pengaturan Bersama

Pengaturan bersama adalah aturan di mana wujud persetujuan kontrak perkongsian kawalan antara Kumpulan dan pihak-pihak ketiga, di mana keputusan berkenaan operasi perkongsian bersama tersebut memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang mengawal bersama. Klasifikasi pengaturan bersama sebagai operasi bersama atau usahasama bergantung pada hak dan obligasi pihak terlibat. Usahasama adalah perkongsian di mana pihak terlibat berhak ke atas aset bersih perkongsian tersebut. Operasi bersama adalah perkongsian di mana pihak terlibat berhak ke atas aset dan obligasi operasi tersebut.

Usahasama

Kepentingan Kumpulan di dalam usahasama diambilkira di dalam penyata kewangan menggunakan perakaunan ekuiti dan diselaraskan dengan bahagian untung/rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif milik Kumpulan ditambah ke nilai bawaan pelaburan. Bila bahagian rugi milik Kumpulan menyamai atau melebihi kepentingan di dalam usahasama (termasuk kepentingan jangka panjang yang merupakan sebahagian pelaburan bersih Kumpulan di dalam usahasama), Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian seterusnya kecuali terdapat obligasi dan bayaran dibuat bagi pihak terlibat. Untung tidak direalisasikan atas transaksi Kumpulan dan usahasama dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan di dalam usahasama kerugian tidak direalisasi juga akan dihapuskan kecuali transaksi tersebut menunjukkan bukti rosot nilai aset tersebut.

Operasi Bersama

Berkenaan kepentingan Kumpulan di dalam Operasi Bersama, Kumpulan mengiktiraf aset-aset (termasuk bahagian aset bersama milik Kumpulan), perolehan dari jualan hasil operasi bersama (termasuk bahagian Kumpulan hasil dari jualan operasi bersama milik Kumpulan) dan perbelanjaan (termasuk bahagian perbelanjaan bersama).

Di mana perlu, pemakaian perakaunan ekuiti akan memerlukan pelarasan dibuat di dalam penyata kewangan Pengaturan Bersama bagi menyeragamkan dasar perakaunan Kumpulan.

Di dalam penyata kewangan Kumpulan, kepentingan di dalam perkongsian bersama dinyatakan pada kos. Bila terdapat tanda-tanda penjejasan, nilai bawaan akan dinilai semula dan diturunkan ke nilai yang boleh diperolehi.

Pada penjualan pengaturan bersama, perbezaan antara terimaan bersih dan nilai bawaan akan ditolak/kredit ke untung/rugi.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata dan masuk dahulu keluar dahulu.

Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos bahan mentah, tenaga buruh langsung, kos langsung lain dan overhead pengeluaran yang berkaitan (berdasarkan kapasiti operasi lazim). Kos bahan mentah, bahan kimia, stor dan alat-alat ganti produk termasuk kos belian dan kos bawa inventori ke dalam lokasi semasa dan keadaan.

Perbelanjaan nurseri terbahagi kepada dua iaitu anak sawit belum matang dimana usia anak sawit kurang daripada 12 bulan dan anak sawit matang yang berumur lebih daripada 12 belas bulan. Perbelanjaan nurseri belum matang dimasukkan ke dalam inventori, kerja dalam proses dan perbelanjaan anak sawit matang dimasukkan ke dalam untung rugi.

Nilai pasaran bersih terdiri daripada anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa selepas ditolak kos jualan dan pengedaran.

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan

Segala perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun perbelanjaan dibuat. Perbelanjaan pembangunan sesuatu projek dimodalkan hanya apabila projek itu memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) produk atau proses adalah nyata dan perbelanjaan yang terlibat boleh ditentukan dengan jelas;
- (ii) keupayaan teknikal produk atau proses telah ditunjukkan;
- (iii) pihak pengurusan telah menyatakan hasrat mereka untuk membuat dan memasarkan atau menggunakan produk atau proses;
- (iv) pasaran bagi hasil atau proses sedia ada, atau jika untuk kegunaan sendiri, faedah yang diperolehi dari menggunakan produk atau proses boleh ditunjukkan; dan
- (v) sumber yang mencukupi sedia ada atau dijangka akan diperolehi untuk menyiapkan projek dan memasarkan hasil atau proses.

Perbelanjaan pembangunan yang dimodalkan dilupuskan atas dasar garis lurus sepanjang jangka masa manfaat projek tersebut. Pelupusan bermula ketika penghasilan komersil dimulakan.

Pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan, nilai sisa dan jangka hayat guna akan disemak semula. Sebarang kesan terhadap perubahan akan diiktiraf secara prospektif.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Aset biologi

(i) Baka ternakan

Semua kos langsung untuk ternakan dikumpul sehingga ia matang. Selepas itu, kos yang telah dipermodalkan dilunaskan berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat produktif kegunaannya.

Anggaran tempoh matang dan kadar pelunasan untuk ternakan adalah seperti berikut:

<u>Ternakan</u>	<u>Anggaran tempoh matang (tahun)</u>	<u>Kadar perlunasan (tahun)</u>
Lembu jantan	3 tahun	4
Lembu betina	3 tahun atau apabila melahirkan anak, yang mana lebih awal	7
Anjing	2 tahun dan telah selesai dilatih	8

(ii) Ladang-ladang

Kos pembangunan penanaman terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru yang diambil kira di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan yang ditanggung (contohnya pembersihan tanah dan penjagaan pokok) sehingga tempoh matang 3 tahun adalah dipermodalkan dan tidak dilunaskan, dan ditunjukkan sebagai bersih aset bukan semasa kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Perbelanjaan penanaman semula dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun di mana ia ditanggung.

Apabila kawasan tanaman ditanam semula dengan tanaman yang berbeza, kos pembangunan yang dahulunya dipermodalkan dibelanjakan dalam keuntungan atau kerugian dan kos pembangunan baru penanaman berkenaan dengan tanaman baru dipermodalkan.

(iii) Tapak Semaian

Kos tapak semaian terdiri daripada kos anak getah dan kelapa sawit serta kos-kos berkaitan seperti membaja dan menyemai. Kos tapak semaian untuk tanaman baru akan dipindahkan ke tanaman getah dan kelapa sawit apabila matang dalam masa 5 hingga 12 bulan untuk kelapa sawit dan 5 hingga 6 bulan untuk getah.

Apabila terdapat tanda-tanda kewujudan penjejasan, nilai bawa aset akan dinilai dan akan diubah ke nilai boleh pulihnya.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Kontrak pembinaan

Apabila hasil dari kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, perolehan dan kos diiktiraf dengan merujuk kepada peratusan siap kerja aktiviti kontrak pada tarikh akhir tempoh pelaporan, yang diukur mengikut nisbah kos kontrak dibelanjakan bagi kerja yang dijalankan hingga kini kepada jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak tersebut.

Perbezaan dalam kerja-kerja kontrak dan tuntutan diambil kira hingga ke takat jumlah yang dipersetujui dengan pelanggan.

Apabila hasil dari kontrak tidak boleh dianggarkan dengan pasti, perolehan kontrak diiktiraf setakat ianya dijangka boleh diperolehi bagi kos kontrak yang telah dibelanjakan.

Kos kontrak diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ianya telah dibelanjakan.

Apabila dijangkakan bahawa jumlah kos akan melebihi jumlah perolehan kontrak, kerugian yang dijangkakan akan diambil kira sebagai perbelanjaan dengan segera sebagai peruntukan untuk jangkaan kerugian.

Jumlah kos keseluruhan ditanggung dan keuntungan atau kerugian diiktiraf bagi setiap kontrak dibandingkan dengan bayaran keuntungan kemajuan kerja sehingga ke tahun ianya berakhir. Di mana kos ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi tuntutan bayaran kemajuan kerja, baki akan ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada kontrak (aset semasa). Sekiranya tuntutan bayaran kemajuan melebihi kos ditanggung tambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki akan ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada kontrak (liabiliti semasa).

Tanggungan luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf tanggungan luar jangka tetapi menyingkapkan kewujudannya di dalam penyata kewangan. Tanggungan luar jangka adalah kewajipan mungkin yang timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan ditentukan dengan ketidakpastian peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan Kumpulan atau kewajipan semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak berkemungkinan akan menyebabkan pengeluaran sumber untuk menyelesaikan kewajipan. Tanggungan luar jangka juga timbul dalam kes yang jarang berlaku di mana tanggungan tidak dapat diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara tepat.

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Pinjaman

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, setelah ditolak kos transaksi. Pinjaman seterusnya dicatat pada kos pelunasan perbezaan antara amaun diterima (setelah ditolak kos transaksi) dan nilai tebus diiktiraf di dalam untung atau rugi selama masa pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan.

Yuran yang dibayar untuk kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi pinjaman sehingga besar kemungkinan beberapa atau kesemua kemudahan akan digunakan. Dalam hal ini, yuran akan ditangguhkan sehingga penggunaan kemudahan berlaku. Sehingga tiada bukti dimana ianya berkemungkinan beberapa atau kesemua kemudahan akan digunakan, yuran akan dicatatkan sebagai prabayar perkhidmatan kecairan dan dilunaskan selama tempoh kemudahan yang berkaitan.

Pinjaman diklasifikasikan sebagai tanggungan semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penjelasan tanggungan untuk sekurang-kurangnya selama dua belas bulan selepas tarikh akhir tempoh pelaporan.

Kos kewangan untuk membiayai aktiviti pembangunan hartanah, kemajuan kontrak dan harta, loji dan peralatan permodalkan sebagai sebahagian kos aset dalam tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset-aset untuk kegunaannya yang dicadangkan.

Geran Kerajaan

(i) Geran tanam semula dari FELDA

